

[THE MILITARY TRANSFORMATION OF THE MUGHAL EMPIRE DURING  
AKBAR'S REIGN (1556–1605)]

TRANSFORMASI KETENTERAAN MUGHAL ERA PEMERINTAHAN AKBAR  
(1556-1605)

*Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari*  
*mozaha@ukm.edu.my*  
*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,*  
*Fakulti Pengajian Islam, UKM*

*Muhammad Syahmi Abu Sofian*  
*blogerex55@gmail.com*  
*Graduan Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam,*  
*Fakulti Pengajian Islam, UKM*

*Nursafira Lubis Safian*  
*nursafira@iium.edu.my*  
*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan,*  
*Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM*

*Ammalina Dalillah Mohd. Isa*  
*ammalina@ukm.edu.my*  
*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,*  
*Fakulti Pengajian Islam, UKM*

**Abstrak**

Kerajaan Mughal mula meniti era kecemerlangan setelah Akbar menerajui Kerajaan Mughal pada tahun 1556. Sepanjang 49 tahun pemerintahannya, pelbagai perancangan dan dasar telah dilaksanakan bagi memastikan kelestarian Kerajaan Mughal, antaranya transformasi ketenteraan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti latar belakang kehidupan dan daya kepimpinan Akbar yang menjadi tunjang kepada transformasi ketenteraan Mughal. Selain itu, kajian ini turut menganalisis pelan transformasi ketenteraan Mughal yang telah diusahakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan dalam proses pengumpulan dan analisis data terhadap sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan awal Akbar dalam ketenteraan dan bimbingan secara berterusan daripada golongan aristokrat Mughal telah membentuk sahsiah dan daya kepimpinan Akbar. Hal sedemikian turut membentuk gaya politik Akbar yang akhirnya terserlah dalam pelan transformasi ketenteraan Mughal, seperti dasar perluasan wilayah, pemerkasaan aspek ketenteraan dan pengukuhan sistem *mansab*. Transformasi ketenteraan yang dilaksanakan telah menaikkan reputasi Kerajaan Mughal sebagai kerajaan yang kuat di India sekaligus mengukuhkan keupayaan kerajaan tersebut dalam menghadapi ancaman.

**Kata Kunci:** *Mughal, India, Akbar, transformasi ketenteraan, mansab*

## Abstract

*The Mughal Empire began to reach an era of excellence after Akbar took the helm in 1556. Throughout his 49-year reign, various plans and policies were implemented to ensure the sustainability of the Mughal Empire, among them military transformation. This study aims to examine the background of Akbar's life and leadership qualities that served as the foundation for the Mughal military transformation. Additionally, this study analyzes the military transformation plans undertaken by the Mughals. The study uses qualitative methods through historical research and content analysis in the collection and analysis of data from primary and secondary sources. The findings show that Akbar's early involvement in the military and continuous guidance from Mughal aristocrats shaped his character and leadership qualities. This influence also shaped Akbar's political style, which ultimately became evident in the Mughal military transformation plans, including territorial expansion policies, the strengthening of military aspects, and the consolidation of the mansab system. The military transformations implemented enhanced the Mughal Empire's reputation as a strong empire in India, thus strengthening its ability to face threats.*

**Keywords:** *Mughal, India Akbar, military transformation, mansab*

*Article Received:*  
18 November 2024

*Article Reviewed:*  
2 December 2024

*Article Published:*  
26 December 2024

## PENDAHULUAN

Sejarah perkembangan Islam di benua kecil India berlaku perubahan dengan pendekatan yang diperkenalkan oleh Akbar bagi menjamin kemajuan dan kekuasaan Kerajaan Mughal. Akbar merupakan maharaja Mughal yang ketiga menggantikan bapanya, Humayun ketika beliau berusia 14 tahun (Begum, 1929). Tempoh pemerintahan Akbar bermula tahun 1556 hingga 1605 (Beveridge, 1972; Nishat, 2005; Richards, 2012). Sebelum kematiannya pada tahun 1605, Kerajaan Mughal menjangkau hampir 1 juta kilometer persegi. Semasa pemerintahannya, beliau berjaya menangani ancaman ketenteraan daripada tentera Kerajaan Suri dengan mengambil tindakan memerangi puak *Afghan* dan seterusnya mengalahkan Hemu Chandra Vikramaditya (Malik et al., 2022). Selanjutnya, Akbar mengukuhkan pemerintahannya dengan menerusi tindakan diplomasi dengan kerajaan Hindu Rajput dan menerima puteri Rajput sebagai *harem* di istana Mughal (Prasad, 2021).

Kekuatan ketenteraan Kerajaan Mughal semakin unggul setelah melalui fasa pemerikasaan pada era pemerintahan Akbar. Akbar melaksanakan strategi yang melibatkan gerakan ketenteraan, perubahan dalam dasar pentadbiran dan pembentukan agama yang baharu (Ibn-I-Muluk Shah, 1973; Richards, 2012). Perkara ini dilakukan untuk memastikan semua rakyat yang bernaung di bawah pemerintahan Mughal dapat menikmati keselesaan dan keharmonian tanpa diskriminasi dan sekaligus mengukuhkan kekuasaan Kerajaan Mughal dalam memerintah India. Akbar turut memperkenalkan sistem *mansabdar* iaitu pegawai kerajaan yang terlibat dalam pentadbiran dan pada masa yang sama terlibat dalam ketenteraan. Sistem ini membayangkan bahawa pegawai awam terikat untuk memberikan perkhidmatan ketenteraan apabila mereka dipanggil untuk berbuat demikian (Moosvi, 1981; Trivedi, 1986; Malik et al., 2022).

Fokus kajian ini adalah bertitik tolak daripada pernyataan artikel Ezad Azraai et al. (2017) yang menyatakan:

*Many historians agreed that Akbar was the greatest Mughal Emperor of all. This is attributed to Mughal achievement during his rule which saw the empire extended to the entire of India. Akbar's ability to mobilize the Mughal army and conquer Hindu kingdoms one by one undefeated was a feat not attained by anybody before him. Because of this achievement, Akbar was recognized as the greatest Mughal ruler and given the accolade 'Akbar The Great'. Despite his great achievements, Akbar also suffered failures, particularly when he attempted to promote a new religious idea known as Din-i-Ilahi. The conception brought by Akbar to unite all religions in his effort*

*to unite the Indian community was clearly rejected by the ulema and the Muslim communities who considered Akbar's actions as blasphemous. In fact, the Muslim rejection was seen as a failure among his efforts to unify India under the Mughal Empire. To strengthen the teachings of Din-i-Ilahi, Akbar built a place in Fatehpur Sikri where debates between religions were held, called Ibadat-Khanna in 1575. He often invited intellectuals of different religion to the place to have a discourse on religion.*

Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji ingin meneliti latar belakang kehidupan dan daya kepemimpinan Akbar yang menjadi tunjang kepada transformasi ketenteraan Mughal sekaligus mendorong kepada pengukuhan politik, kestabilan dan keharmonian sosial sehingga beliau digelar sebagai *Akbar The Great* oleh para sarjana. Akbar berjaya meluaskan pengaruh Kerajaan Mughal di benua kecil India mencakupi aspek ketenteraan, poliitik, ekonomi dan kebudayaan. Selain itu, kajian ini turut menganalisis pelan transformasi ketenteraan Mughal yang diusahakan oleh Akbar memandangkan kekuatan tentera Mughal merupakan unsur utama dalam pengukuhan Kerajaan Mughal itu sendiri. Kekuatan ketenteraan ini diupayakan menerusi pembinaan senjata yang canggih dan penerapan dasar ketenteraan yang berstrategik dan inovatif.

## **BIOGRAFI AKBAR**

Nama sebenar Akbar ialah Abul Fath Jalaluddin Muhammad Akbar. Beliau dilahirkan pada tahun 1542M di Umarkot (Abu'l Fazl, 1972; Ezad Azraai et al., 2017; Habib, 2022). Akbar lebih dikenali dengan gelaran *Akbar The Great* dan merupakan pemerintah Mughal yang ketiga selepas kematian bapanya. Nama penuh bapanya pula ialah Nasiruddin Muhammad atau dikenali sebagai Humayun yang menjadi pemerintah kedua kerajaan Mughal. Manakala ibunya bernama Hamida Banu Begum. Susur galur keturunan Akbar terdiri daripada pengasas kerajaan Mughal iaitu datuknya, Mirza Zahiruddin Muhammad atau dikenali dengan nama Babur (Ali, 1978; Bashir, 2016).

Menurut Mushahary (2021) bahawa isteri Akbar terdiri daripada 11 orang isteri iaitu Sultanam Begum, Salima Sultan Begum, Mariam az-Zumari (*Jodha Bai*), Gauhar an-Nissa Begum, Qassima Banu Begum, Bibi Daulat Shad, Raj Kunwari, Nathi Bai, Bhakkari Begum, Rukmavati dan beberapa nama isterinya yang tidak disebut dalam catatan. Manakala, Akbar dikurniakan cahaya mata seramai enam orang anak lelaki dan enam orang anak perempuan (Ezad Azraai et al., 2017).

Setelah kematian Humayun, Akbar baru berusia 14 tahun di bawah penjagaan Bayram Khan (Begum, 1929). Akbar menerima berita kematian bapanya semasa terlibat dalam kempen ketenteraan menentang tentera Afghan di wilayah Punjab. Bagi merahsiakan kematian Humayun ketika tentera Mughal berada di medan perang, Bayram Khan telah mengarahkan seorang lelaki berpakaian seperti Humayun lalu memunculkan diri di khalayak ramai. Tindakan Bayram Khan ini bertujuan untuk menoktahkan spekulasi tentang keadaan Humayun ketika itu sekaligus menjamin kelestarian kerajaan Mughal. Rahsia kematian Humayun ini turut diketahui oleh laksamana Turki bernama Sidi Ali Rais yang kebetulan berada di Delhi. Sidi Ali Rais telah berpakat dengan Bayram Khan untuk merahsiakan kematian Humayun dengan bertindak memberitahu kepada rakyat Mughal bahawa Humayun akan pulih dari sakit (Abu'l Fazl, 1972).

Pada tahun 1556, Akbar menaiki takhta di Kalanaur sebagai *Padshah Ghazi*. Dalam beberapa bulan selepas Akbar menerajui takhta Mughal, Hemu Chandra Vikramaditya, *wazir* Muhammad Adil Shah dari Bihar, telah menguasai sebahagian besar wilayah India, termasuk Delhi dan Agra. Pada November 1556, tentera Mughal di bawah pimpinan Bayram Khan telah menuju ke Delhi dan berjaya menewaskan Hemu dalam Perang Panipat II. Kejayaan tentera Mughal di Panipat membolehkan Akbar berkuasa semula di Delhi sekaligus menjadikan kota tersebut pusat pemerintahan kerajaan Mughal. (Abu'l Fazl, 1972). Ketika Akbar berumur 18 tahun pada 1560, beliau mula ingin memerintah secara bebas tanpa ada pengaruh daripada mana-mana pihak. Pada tahun tersebut, pengasuh Akbar bernama Maham Anaga, berjaya memindahkan Akbar dari Agra ke Delhi. Setibanya di Agra, langkah awal yang telah dilakukan oleh Akbar ialah mengarahkan Bayram Khan menunaikan haji ke Makkah. Tindakan Akbar ini disifatkan sebagai pendekatan lembut bagi menyisihkan Bayram Khan daripada pentadbiran kerajaan Mughal. Walaupun Bayram Khan tidak bersetuju dengan arahan tersebut, namun beliau terpaksa menurutinya. Namun begitu, Bayram Khan telah mati dalam perjalanan ke Makkah akibat dibunuh oleh seorang Afghan di Gujarat (Ezad Azraai et al., 2017).

Setelah Akbar berjaya membebaskan dirinya dari pengaruh Bayram Khan, beliau telah melancarkan dasar politiknya sendiri iaitu penaklukan wilayah India. Kejayaan menguasai satu persatu wilayah dari Malwa ke Asirgarh membuktikan kewibawaan Akbar sebagai strategis perang yang hebat (Adle, 2003). Namun begitu, pencapaian Akbar ini sedikit tercalar disebabkan pemilihan komander yang tidak kompeten antaranya Adham Khan. Pemilihan beliau dalam pentadbiran Mughal membuktikan wujudnya campur tangan dalam pentadbiran Mughal oleh golongan harem yang diketuai oleh Maham Anaga memandangkan Adham Khan merupakan anak kepada pengasuh Akbar tersebut (Kayali, 2018).

Tindakan Adham Khan yang mencetuskan kemarahan Akbar ialah apabila beliau bertindak membunuh penasihat kanan yang merupakan orang kepercayaan Akbar, Atga Khan. Tindakan Adham Khan membunuh Atga Khan bertujuan untuk menyembunyikan penyelewengan kuasa dan dana kerajaan. Atga Khan yang menyedari penyelewengan tersebut berhasrat untuk melaporkan salah laku berkenaan kepada Akbar (Habib, 2022). Namun begitu, Adham Khan bertindak lebih pantas dengan membunuh beliau dan hal tersebut menyebabkan Akbar terpaksa mengambil tindakan keras dengan menjatuhkan hukuman mati ke atas Adham Khan. Malah, peristiwa hukuman ke atas Adham Khan ini telah menyebabkan emosi Maham Anaga tidak menentu sehingga beliau meninggal dunia (Kayali, 2018).

Di sebalik kejayaan cemerlang ini, Akbar tidak tenang kerana beberapa orang anak lelakinya yang telah dilahirkan meninggal dunia ketika masih bayi. Beliau berdoa dengan khusyuk di kuil Ajmer dan Delhi supaya dikurniakan cahaya mata sebagai pewaris takhtanya (Chandra, 1992; Adle, 2003). Tahun 1562 merupakan titik perubahan dalam kehidupan maharaja apabila pada ziarah pertamanya ke kuil Khwaja Muinuddin Christi di Ajmer, Raja Bhari Mahl dari Amber menawarkan puteri sulungnya dinikahkan dengan Akbar. Pada awal tahun 1569, isteri Akbar telah didapati mengandung dan selamat melahirkan seorang putera yang diberi nama Salim sempena nama Shaikh Salim Chisti seorang ulama sufi terkenal di India (Mushahry, 2021).

Dalam menilai kejayaan Akbar, ramai ahli sejarah mengakui beliau sebagai pemerintah Mughal yang hebat tindakannya mengubah situasi politik India. Akbar berjaya menyatukan seluruh India yang pernah diperintah secara kelompok wilayah atau oleh kaum atau etnik tertentu. Semasa pemerintahannya dari tahun 1556 hingga 1560, Kerajaan Mughal berada pada zaman perubahan beberapa dasar yang dilaksanakan Akbar supaya kelestarian pengaruh kerajaan Mughal dapat diperkukuhkan. Dari segi politik, Mughal diiktiraf oleh kuasa asing antaranya daripada Kerajaan Safawiyah di Parsi dan Kerajaan Uthmaniyyah di Turki (Hameed et al., 2020).

Pengiktirafan sedemikian adalah penting dan bermakna kepada Akbar yang membenarkan kerajaannya menjalin hubungan diplomatik dan perdagangan dengan kerajaan tersebut. Lebih-lebih lagi, pengiktirafan itu secara moral adalah bonus kepada Akbar menghadapi musuh dari kerajaan Hindu. Pada masa kematiannya, Kerajaan Mughal terdiri daripada lebih daripada lima belas wilayah termasuk Subah, Agra, Allahabad, Ahmadabad (Gujarat), Bengal, Bihar, Delhi, Kabul, Kashmir, Lahore, Malwa, Multan, Sinda, Qudh, Berar, Ahmadnagar dan Khandesh (Ezad Azraai et al., 2017).

## **TRANSFORMASI KETENTERAAN MUGHAL**

Menyentuh tentang transformasi ketenteraan Mughal ketika era pemerintahan Akbar, wujud tiga elemen utama yang mendukung pelan transformasi tersebut, iaitu dasar perluasan wilayah, pemeraksanaan aspek ketenteraan dan pengukuhan sistem *mansab*.

### **Dasar Perluasan Wilayah**

Dalam membahaskan tentang pencapaian Akbar, rata-rata pengkaji sejarah menyifatkan dasar perluasan kuasa ke seluruh wilayah India merupakan satu kejayaan dalam sejarah politik Akbar (Pandey, 1963; Prawdin, 1963; Richards, 1998; Qamaruddin, 2004). Pencapaian tersebut disamakan dengan pencapaian Asoka suatu ketika dahulu dalam membentuk sebuah kerajaan yang stabil dan mempunyai wilayah yang amat luas. Hal ini secara tidak langsung menaikkan reputasi Kerajaan Mughal sebagai sebuah kerajaan yang besar di India, lebih-lebih lagi setiap kempen perluasan kuasa yang dilaksanakan oleh Akbar berakhir dengan kejayaan.

Beberapa pengkaji sejarah membahagikan proses perluasan kuasa Mughal ini kepada tiga peringkat, iaitu peringkat pertama (1561-1576) menyasarkan bahagian tengah India, peringkat kedua (1581-1596) menyasarkan bahagian utara India dan peringkat ketiga (1597-1601) dihalakan fokus ke wilayah Deccan (Bakar, 2000; al-Sadati, 2001). Usaha awal proses perluasan kuasa ini berlaku pada tahun 1561 dengan wilayah Malwa menjadi sasaran pertama daripada pelaksanaan dasar yang diperkenalkan Akbar itu. Wilayah Malwa ketika itu ditadbir oleh Baz Bahadur. Akbar telah melantik Adham Khan sebagai komander tentera Mughal sambil dibantu oleh Pir Muhammad Shirwani untuk menyerang Malwa. Baz Bahadur tidak sedar akan kemaraan tentera Mughal ini tidak membuat sebarang persiapan untuk menangkis serangan mereka. Justeru, tentera Mughal tidak menghadapi masalah besar untuk menawan wilayah Malwa sekaligus berjaya menguasai harta milik Baz Bahadur.

Sementara itu, kekasih Baz Bahadur, Rup Mati, telah mati dengan meminum racun untuk mengelakkan diri daripada menjadi tawanan tentera Mughal (Srivastava, 1957; Qureshi, 1998). Setelah itu, Akbar meneruskan dasar perluasan kuasanya dan berjaya menawan satu-persatu wilayah di India, termasuk beberapa wilayah Hindu (Ishak, 1998). Ketika Akbar meninggal dunia pada tahun 1605, wilayah Kerajaan Mughal terdiri daripada lebih 15 buah kawasan, antaranya termasuk Subah, Agra, Ajmer, Allahabad, Ahmadabad (Gujarat), Bengal, Bihar, Delhi, Kabul, Kashmir, Lahore, Malwa, Multan, Sind, Qudh, Berar, Ahmadnagar dan Khandesh.

Melalui dasar perluasan kuasa ini, ada sebilangan raja Hindu yang berhasrat menjalinkan persahabatan seterusnya bersedia untuk bernaung di bawah pemerintahan Kerajaan Mughal. Antara raja Hindu yang melakukan perkara sedemikian ialah Raja Bharmal, pemerintah wilayah Amber (Srivastava, 1968). Untuk memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua kerajaan, Raja Bharmal turut menawarkan puterinya, Kandayan, untuk dinikahkan dengan Akbar.

Pernikahan tersebut telah membawa hubungan antara Delhi dengan Jaipur ke satu hubungan yang lebih erat, iaitu hubungan kekeluargaan. Akbar pula telah mengambil anak dan cucu Raja Bharmal, iaitu Bhagwan Das dan Man Singh, untuk berkhidmat dalam pentadbiran Kerajaan Mughal. Kedua-dua individu kerap dilantik oleh Akbar sebagai panglima tentera Mughal dalam menjayakan misi perluasan kuasa.

Tindakan Raja Bharmal ini disifatkan sebagai satu tindakan yang bijak walaupun dicemuh oleh raja-raja Hindu yang lain. Menurut Srivastava (1968), tindakan Raja Bharmal menjalinkan hubungan persahabatan dengan Akbar bertujuan untuk mencari sokongan dan bantuan disebabkan beliau menghadapi kemelut di istana. Hal ini terjadi kerana terdapat usaha daripada ahli kerabat diraja yang cuba untuk menyingkirkan Raja Bharmal daripada takhta Kerajaan Amber. Bagaimanapun, tindakan Raja Bharmal ini turut bertujuan untuk menyelamatkan kerajaannya daripada diserang oleh tentera Mughal. Kemungkinan Raja Bharmal mengambil iktibar daripada apa yang berlaku ke atas Hemu dan Baz Bahadur menyebabkan beliau bertindak untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan Kerajaan Mughal. Bagi Akbar, tindakan Raja Bharmal ini memudahkan misinya untuk menyatukan India di bawah pentadbiran Kerajaan Mughal. Bagaimanapun, hubungan tersebut, terutama pernikahan antara Akbar dengan Kandayan, telah mencalarakan imejnya sebagai pemimpin Islam kerana unsur-unsur agama Hindu mula mendapat tempat di dalam istana. Permaisurinya yang masih kekal beragama Hindu telah mengamalkan beberapa adat Hindu secara terang-terangan, seperti permujaan berhala dan pemakaian *rakhi* (Gascoigne, 1976). Hal ini turut menjadi faktor mengapa Akbar cuba memperkenalkan gagasan *Din-i-Ilahi*.

Perkahwinan ini adalah langkah pertama untuk memenangi sokongan politik dan ketenteraan daripada Rajput yang gagah berani yang mana pemerintah Kesultanan Delhi telah gagal untuk menundukkan atau menukarnya menjadi sekutu. Oleh itu, asas itu diletakkan oleh Amber dari pakatan Mughal-Rajput. Rana Udai Singh dari Mewar enggan menerima pakatan Mughal-Rajput dan seterusnya menyinggung perasaan Akbar dengan memberi perlindungan kepada Baz Bahadur di Malwa (Desoulieres, 1988; Niyati, 2021). Mewar terletak di laluan ke wilayah Gujarat yang kaya dan tidak dapat ditakluki tanpa sekiranya tidak menguasai kubu Chittor terlebih dahulu (Desoulieres, 1988). Pada tahun 1567, Akbar sendiri melakukan pengepungan kubu Chittor pada tahun 1568 selepas penentangan yang sangat mendesak tetapi perjuangan Mughal-Mewar tidak berakhir dengan kejatuhan Chittor. Setelah kematian Rana Udai Singh pada tahun 1572, anaknya Rana Pratap Singh meneruskan lagi sehingga memuncak dalam pertempuran terkenal Haldighat pada tahun 1576. Tentera Mughal yang diketuai oleh Raja Man Singh dari Amber memerangi pertempuran ini tetapi Mewar masih tidak ditakluki. Rana Pratap sehingga kematiannya pada tahun 1597, meneruskan perjuangan bagi mempertahankan Chittor dan Mandalgarh daripada penguasaan Akbar kerana dua kawasan tersebut menjadi bukti perang kemerdekaan mempertahankan wilayah Mewar (Prasad, 2021).

Selepas penaklukan Malwa dan Mewar, jalan ke Gujarat terbuka. Wilayah Gujerat merupakan wilayah yang kaya dan menguasai sebahagian besar perdagangan India dengan Asia Barat dan Eropah melalui pelabuhan Cambay yang terkenal di India (Desoulieres, 1988). Dari pelabuhan Gujarat membolehkan jemaah haji meneruskan perjalanan ke Makkah. Pada tahun 1572, Akbar sendiri mengetuai ekspedisi ke Gujarat dan menyelesaikannya dengan pengepungan kota Surat pada tahun 1573. Akbar membina *Buland Darwaza* yang terkenal di Fatehpur Sikri sebagai memperingati kemenangan ini. Kemudian, pada 1574 hingga 1575 Bihar dan Bengal telah ditakluki daripada ketua Afghan iaitu Daud (Kayali, 2018).

Tahun 1581 dianggap sebagai tahun paling kritikal dalam pemerintahan Akbar apabila saudaranya Mirza Muhammad Hakim yang memerintah Kabul mara ke Lahore bagi memulakan pemberontakan. Kemudian, Akbar pergi ke Kabul dan memaksa saudaranya untuk menyerah diri tetapi arahan tersebut ditentang. Selepas kematian Mirza Muhammad Hakim pada tahun 1586, Kabul dikembalikan kepada kerajaan Mughal (Adle, 2003). Ini memerlukan pengukuhan kawalan yang berkesan ke atas kawasan puak Afghan yang berada di Punjab dan Afghanistan.

Pada tahun 1586, wilayah Kashmir juga dimasukkan dalam perancangan perluasan kuasa kerajaan Mughal. Pada tahun 1593, Akbar memulakan ekspedisi perluasan kuasa Mughal ke Kandahar dan seluruh kawasan Sindh untuk melestarikan lagi wilayah kekuasaan kerajaan Mughal. Pada tahun 1594, Kandahar berjaya ditawan daripada pemerintahan kerajaan Parsi (Kayali, 2018).

Akbar telah memberikan perhatian terhadap wilayah Deccan sejak sekian lama sebelum beliau menghantar ekspedisi ketenteraan kerajaan Mughal ke Selatan India. Beliau sentiasa menganggap Portugis sebagai kuasa yang mengawal bahagian penting di pinggir laut India dan berkembang sebagai ancaman kepada kerajaan Mughal. Akbar menganggap betapa pentingnya untuk mengatasi pengaruh Portugis di kawasan Deccan. Kerajaan Bahmani, Ahmednagar, Bijapur, Golconda dan Khandesh juga menjadi ancaman pencerobohan kuasa di bahagian Selatan India (Ibn-I-Muluk Shah, 1973).

### **Pemeriksaan Aspek Ketenteraan**

Pasukan infantri Kerajaan Mughal terdiri daripada *Banduqchis* atau tentera bersenjata, *Shamsherbaz* atau *Swordsman Darbans* yang juga pengawal yang istana kerajaan. Akbar sendiri bertindak mewujudkan beberapa orang panglima di bawahnya yang dikenali sebagai *sipahsalar*. Pasukan infantri sebenar terdiri daripada *matchlockmen* dan pemanah di medan perang seramai 12,000 orang. Unit ketenteraan Mughal terdiri daripada struktur kedudukan seorang ketua unit, seorang pendaftar dan seorang pengurus kewangan. Tentera Mughal dibahagikan kepada 15 kelas mengikut kemahiran dan pengalaman kerana setiap kelas diberikan gaji bermula daripada 10 *dams* hingga 250 *dams*. Tentera pemanah diletakkan dalam medan pertempuran memberikan kelebihan penyerangan lebih berkesan berbanding dengan tentera *matchlocks*. Pasukan tentera berkuda juga adalah unit terhebat bagi sistem ketenteraan Mughal (Choudry, 2017). Dalam sistem *mansabdars* yang diasaskan oleh Akbar merupakan sistem ketenteraan yang mempunyai tentera berkuda yang seperti *Silahdar* iaitu barisan tentera biasa berkuda dengan kelengkapan beberapa jenis senjata dan *Vagir* iaitu tentera yang menggunakan kuda yang dibekalkan oleh negeri dan berkelengkapan perisai ringan (Malik et al., 2022).

Pasukan artileri Mughal wujud semenjak era pemerintahan Babur dengan berlakunya peningkatan kemajuan semasa pemerintahan Mughal dilanjutkan di bawah naungan pimpinan Humayun yang mempunyai 750 buah meriam (Begum, 1929; Bashir, 2016). Akbar membangunkan beberapa artileri berukuran besar dan panjang seperti meriam *Sherdahad* dan *Fatehlaskar* dengan memberikan bentuk rekaan yang mempunyai roda supaya meriam yang dibangunkan mudah untuk dialihkan mengikut kedudukan dan arah sasaran. Meriam bersaiz besar memerlukan tenaga beberapa ekor gajah dan seribu ekor lembu bagi mengangkut sebuah meriam. Kemajuan artileri Mughal bertambah baik hasil daripada hubungan dengan wilayah Deccan dan orang Eropah (Garza, 2010).

Organisasi armada laut Mughal telah diperkasa secara strategik berdasarkan tuntutan semasa ketika itu bagi mempertahankan pesisir pantai daripada penentang Mughal dan Portugis dari Mundalgarh. *Amir-ul-Bahr* atau laksamana laut mempunyai empat tugas iaitu menyediakan kapal yang mampu membawa gajah, melantik pakar pelaut yang mahir dalam mendiagnosis keadaan laut, mengendalikan peralatan di atas kapal dan memberikan tugas kepada anak kapal (Bilal et al., 2020). Gajah digunakan sebagai binatang pengangkut alatan perang dan benteng tentera di bahagian belakang agar dapat melindungi maharaja. Dalam pertempuran, Akbar menggunakan gajah dalam kuantiti yang banyak dengan menggunakan pelbagai senjata. Akbar mempunyai gajah-gajah khas yang ditunggangnya diberi gelaran *khasah* (istimewa) dan yang lain disusun dalam kelompok sepuluh, dua puluh atau tiga puluh dipanggil *halqah*. Nama generik untuk senjata dan perisai *silah*. Secara umumnya, tentera yang tunggang gajah menggunakan senjata pendek dan senjata untuk serang jarak jauh (Bilal et al., 2020).

## Pengukuhan Sistem Mansab

*Mansabdar* pertama dipilih dan dilantik secara langsung oleh maharaja. Akbar dan *Mir Bakshi* atau ketua anggota tentera terus menandatangani semua pengambilan dan kenaikan pangkat baharu berdasarkan merit. Rampasan harta perang merupakan sebahagian besar daripada pendapatan pegawai *mansabdar* yang dijamin gaji tahunan yang besar. Saguhati ini boleh dibayar secara tunai atau melalui pemberian *jagir* (kurniaan tanah) (Abul Fazl, 1873; Niyati, 2021). Pakej pampasan selalunya menggabungkan kedua-dua bentuk pendapatan. Dengan pegawai berpangkat rendah biasanya mendapat semua atau sebahagian besar gaji mereka secara tunai dan pegawai kanan lebih bergantung pada hasil *jagir* (Trivedi, 1986). Geran tanah kurniaan telah diberikan secara sementara dan sering dipindahkan untuk mengukuhkan pergantungan pegawai kepada pihak berkuasa pusat (Blochmann, 1978).

Ketamakan dalam mengejar tangga gaji dapat dikekang kerana pemberian gaji diberikan mengikut gred *mansabdar*. Pemberian gaji dalam sistem *mansab* ini jauh lebih tinggi dan lumayan ketimbang gaji tentera seperti Safawiyah dan Uthmaniyyah walaupun seseorang itu berada pada pangkat yang sama. Kenaikan paras gaji dalam sistem *mansab* bertujuan menyuntik semangat motivasi kepada *mansabdar* dan tentera agar mereka berpuas hati dengan pendapatan masing-masing (Moosvi, 1981). Walaupun konflik diselesaikan melalui kekerasan, anugerah jawatan adalah satu cara utama perdamaian. Kerajaan Mughal berusaha keras untuk memasukkan musuh yang kalah ke dalam sistem *mansab*. Tawaran jawatan yang diberikan itu disifatkan sebagai antara bentuk pampasan yang wajar bagi mengurangkan kemungkinan pihak yang kalah menjadi marah dan memberontak terhadap Kerajaan Mughal. Jika tidak ada yang lain, pengambilan bekas musuh dibuat untuk pengawasan dan kawalan yang lebih mudah (Beveridge, 1972).

Sistem *mansabdari* diasaskan oleh Akbar berdasarkan sempena konsep *mansab* atau perjawatan. Dalam sistem ini, pasukan tentera tetap pusat yang diketuai oleh Akbar telah dilengkapi dengan pasukan yang digerakkan oleh *mansabadar*. Tentera pusat yang berada di ibu kota juga diberikan bantuan daripada tentera wilayah di bawah panglima *subahdar* atau gabenor wilayah dengan sokongan tentera *mansabdar*. Pasukan tetap yang besar dikekalkan di ibu kota kerajaan dan setiap ibu kota wilayah dengan unit yang lebih kecil ditempatkan di setiap *chakla* atau daerah. Setiap pegawai kanan mempunyai dua pangkat, *zat* atau sivil dan *sawar* atau pangkat tentera (Khan, 2004).

*Mansabdar* adalah bayangan terhadap gabungan antara institusi ketenteraan dan tadbir urus awam yang berkait rapat (Bilal et al., 2020). Semua pegawai tinggi kerajaan, malah mereka yang jelas mempunyai fungsi awam seperti setiausaha perbendaharaan atau ketua *arkivis* adalah pegawai yang ditauliahkan dan mempunyai kewajipan *mansabdari* mereka sendiri. Kebanyakan *arkivis* memainkan sedikit peranan dalam pertempuran sebenar, mewakili kawalan tentera mereka kepada pegawai profesional yang diupah atau menyerahkan tampuk kepada atasan mereka atau rakan sekutu yang lebih berperanan apabila berkempen (Khan, 2004; Bilal et al., 2020).

Terdapat sebilangan pemimpin yang cemerlang dalam kedua-dua tugas awam dan di medan perang. Todar Mal, setiausaha perbendaharaan Akbar adalah salah satu contoh yang paling ketara dalam menguruskan sistem *mansabdar*. Tentera Mughal tidak mempunyai kakitangan am yang sebenar kerana generasi profesional tentera akan memahami konsep itu tetapi interaksi paksa, sosialisasi dan kerjasama antara pegawai kerajaan, kakitangan sokongan dan pegawai barisan mungkin memainkan peranan dalam kecemerlangan yang diakui institusi itu sebagai tentera sokongan, kejuruteraan dan logistik (Garza, 2010).



Perlaksanaan sistem *mansabdar* ketika era Akbar mewarisi sistem yang telah diguna pakai semasa era Kesultanan Delhi. Biasanya diberikan dalam kenaikan 100 atau 1,000 walaupun jadual pangkat akan berkembang lebih kompleks dari semasa ke semasa. Kebanyakan pegawai baharu telah dilantik pada pangkat percubaan kebiasaannya 10 atau 20 yang kemudiannya dinaikkan kepada 100 atau lebih tinggi selepas selesai pemeriksaan pertama bagi mereka yang berjaya. Walau bagaimanapun, rekrut yang sangat dihargai boleh ditandatangani dengan segera pada pangkat yang lebih tinggi. *Amir* yang paling kanan atau pegawai gred bidang dan am mempunyai pangkat lebih 5,000. Di samping itu, pasukan berkuda mereka biasanya dilengkapi dengan unit tentera pejalan kaki yang besar. Kebanyakan kontrak menetapkan bahawa pegawai mengekalkan unit infantri sekurang-kurangnya separuh saiz kumpulan berkuda mereka.

Mereka juga memerlukan kakitangan sokongan untuk menguruskan bekalan, menyelenggara peralatan dan menjaga kuda (Choudry, 2017). Pemegang pangkat lebih 5,000 sering berfungsi sebagai komander bahagian, kor atau tentera. Pegawai kelas rendah diberikan *mashrut* atau tata kelola dan pangkat *brevet* diberikan sijil kenaikan pangkat sementara untuk tempoh jawatan atau kempen yang mereka dipertanggungjawabkan secara peribadi untuk mencukupkan jumlah tentera yang diperlukan dan kebiasaannya diberikan gaji bonus yang sepadan (Malik et al. 2022).

*Mansabdar* kerap dinaikkan pangkat kerana merit dan diturunkan pangkat atau didenda kerana prestesi buruk (Abul Fazl, 1873; Leonard, 1971). Kenaikan pangkat boleh diberikan untuk prestasi yang ketara atau berkesan dalam pertempuran dan untuk prestasi yang mantap dan tekun bagi tugas pentadbiran yang lebih biasa terutamanya kerana semua tentera yang dikaitkan dengan pangkat mereka dipasang dan dilengkapi dengan betul pada setiap kumpulan, latihan dan mobilisasi. Seperti juga komisen, kenaikan pangkat selalunya diberikan atas syor pegawai atasan (Ali, 1978 & Bilal et al., 2020).

Menurut Khan (2004) mereka yang bercita-cita menjadi askar yang tidak memenuhi syarat tetapi masih menunjukkan potensi kepimpinan, telah direkrut oleh tentera pusat sebagai *ahadi* (pegawai rendah). *Ahadi* dalam banyak cara menyerupai *korps* iaitu pegawai-pegawai dalam latihan yang dikekalkan oleh tentera kontemporari Habsburg Sepanyol. Ada sebilangan pegawai yang diberi perintah untuk unit kecil mereka sendiri manakala yang lain dikumpulkan bersama dengan biasanya sebagai kumpulan kecil pasukan berkuda untuk berfungsi sebagai tiang hadapan atau simpanan yang siap siaga.

Sebilangan daripada mereka berkhidmat sebagai pegawai perintah untuk lebih ramai pegawai kanan. *Ahadi* disertakan dengan semua jenis unit dengan pasukan berkuda dan *infantri* serta jurutera, kuarters dan pasukan sokongan lain. Penyelesaian semua tugas dan tugas yang berbeza ini psatinya akan menjadi pegawai yang bulat dan fleksibel (Garza, 2010; Choudry, 2017).

## KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa penglibatan awal Akbar dalam ketenteraan dan bimbingan secara langsung daripada golongan aristokrat, seperti Bayram Khan, telah membentuk daya kepimpinan Akbar. Malah, karakteristik kepimpinan Akbar ini akhirnya mempengaruhi gaya politik dan pengwujudan dasar Kerajaan Mughal ketika itu yang menginginkan pemusatan kuasa dengan seluruh wilayah India berada di bawah kekuasaan Kerajaan Mughal. Bagi memastikan hasrat politik ini tercapai, Akbar telah melakukan tiga transformasi yang utama terhadap ketenteraan Mughal, iaitu dasar perluasan wilayah, pemerksaan aspek ketenteraan dan pengukuhan sistem *mansab*. Pelaksanaan pelan transformasi ini telah mengangkat reputasi ketenteraan Mughal sebagai sebuah angkatan tentera yang kuat di wilayah India dan berjaya melestarikan kekuasaan Kerajaan Mughal di wilayah berkenaan. Malah, kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh Kerajaan Mughal ketika itu berjaya menangani pelbagai cabaran yang timbul, baik cabaran dalaman mahu pun luaran.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan *output* Geran Universiti Penyelidikan UKM berkod GUP-2022-033.

## RUJUKAN

- Abu'l Fazl. (1972). *The Akbar Nama of Abu-I-Fazl* Jil. I. Terj. Beveridge, H. Calcutta: Baptist Mission Press.
- Abul'l Fazl. (1972). *The Akbar Nama of Abu-I-Fazl* Jil. II. Terj. Beveridge. H. Calcutta: Baptist Mission Press.
- Abul Fazl 'Allami. 1873. *Ain I Akbari*. Terj. Blochmann, H. Calcutta: The Baptist Mission Press.
- Adle, C., Habib, I. & Baipakov, K.M. 2003. History of Civilizations of Central Asia Development in Contrast: From the Sixteenth to the Mid-Nineteenth Century. Dlm. M. A. Ali. *The Mughal Empire and Its Successors* (pp 302-326). Paris: Unesco Publishing.
- Ali, M.A. (1978). Towards An Interpretation of the Mughal Empire. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 110 (1), 38-49.
- Angel, M.A. (2018). Akbar's Religious Policy. *International Journal of Humanities and Social Science Research*, 4(5),18-21.
- Anooshahr, A. (2017). Science at the Court of the Cosmocrat: Mughal India, 1531–56. *The Indian Economic and Social History Review*, 54(3), 295-316.
- Ashraf, K.K. (1988). Architecture As Evocation Of Place: Thoughts On An Architectural "Beginning" In Bangladesh. Tesis Sarjana. Jabatan Seni Bina, Massachusetts Institute of Technology.
- Bakar, I. (2000). *Sejarah & Tamadun Islam di India*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bashir, K. (2016). Conquest of India by Babur. *Scholarly Research Journal for Interdisciplinary Studies*, 3(22), 1345-1373.
- Bauer, S.K. (2019). The Impact of Akhlaq-i Nasiri on the Forms and Spaces of Akbar's Fatehpur Sikri. *South Asian Studies*, 34(1), 43-62.
- Bilal, F. (2015). Mughal Dynasty of India and Patrimonial Bureaucracy. *Journal for Research Scholars and Professionals of English Language Teaching*, 52(1), 237-246.
- Bilal, F., Ahmad, M. & Yasmin, R. (2020). Mansabdari System and Downfall of the Mughal Empire. *Journal of Historical Studies*, 6(1),199-218.
- Begum, G. (1929). *Humayun Nama*. Allahabad: Rai Sahab Lala Ram Dayal Agarwal.
- Chandler Institute of Governance. (2019). *Akbar The Great Building Unity Through Inclusivity*. Chandler Institute of Governance: Singapore.
- Chandra, S. (1992). Akbar's Concept of Sulh-Kul, Tulsi's Concept of Maryada and Dadu's Concept of Nipakh: A Comparative Study. *Social Scientist*, 31-37.
- Choudry, R. A.A. (2017). The Mughal and the Trading of Horses in India, 1526-1707. *International Journal of History and Cultural Studies*, 3(1), 1-18.
- Desoulieres, A. (1988). Mughal Diplomacy in Gujarat (1533-1534) in Correia's 'Lendas da India'. *Modern Asian Studies*, 22(3), 433-454.
- Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Roslan Mohd Nor, Adibah Sulaiman & Mohd Hafiz Safiai. (2017). Akbar (1556-1605) and India Unification Under the Mughals. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(12), 769-781.

- Gallop. A.T. (1999). The Genealogical Seal of the Mughal Emperors of India. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 9(1), 77-140.
- Gascoigne, B. (1976). *The Great Moghuls*. London: Jonathan Cape Ltd.
- Garza, A.D.L. (2010). Mughals at War: Babur, Akbar and the Indian Military Revolution, 1500-1605. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah, Graduate School of The Ohio State University.
- Graham. G. (1969). Akbar And Aurangzeb-Syncretism and Separatism in Mughal India a Re-Examination. *The Muslim World*, 59(2), 106-126.
- Guha, S. (2015). Rethinking the Economy of Mughal India: Lateral Perspectives. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 58, 532-575.
- Habib, I. (2022). Akbar and His Search for Spiritual Truth. *Studies in History* 38(1), 75-89.
- Hameed, U., Hameed, U. & Umar, S. (2020). A Study of Relations between Mughal India and the Ottoman Empire 1556-1748. *Journal of History and Social Sciences* 11, 79-92.
- Ibn-I-Muluk Shah, 'Abdu-L-Qadir. (1973). *Muntakhabu-T-Tawarikh Vol. I*. India: Academica Asiatica Patna 6.
- Ishak, A. (1992). *Islam di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Jutla, R.S. (2004). Fatehpur Sikri: A Utopian Approach to Urban Planning and Design.
- Kayali, Y. (2018). Mughal Emperor Akbar and His Capital: The Fatehpur Sikri. *The Journal of International Social Research*, 11(60), 372-382.
- Khan, I.A. (2004). Dakhili Troops in the Mansab System - A Note. *Proceedings of the Indian History Congress* 65, 375-379.
- Leonard, K. (1971). The Hyderabad Political System and its Participants. *The Journal of Asian Studies*, 30(3), 569-582.
- Malik, I.A. & Parihar, S.S. (2022). Mughal Military Revolution Special Reference with Akbar. *International Journal of Research Publication and Reviews*, 3(2), 269-271.
- Mishra, A.K. (2017). Architectural Splendid of Mughals-A study. *International Journal of English Language, Literature in Humanites IJELLH*, 5(6), 177-194.
- Moosvi, S. (1981). The Evolution of the Mansab System Under Akbar until 1596-7. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 113(2), 173-185.
- Moosvi, S. (1981). The Economy of Mughal India - A Statistical Study. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah, Aligarh Muslim University.
- Mushahary, J. (2021). Akbar's Rajput Policy: Causes, Features and Significance. *Psychology And Education*, 58(2), 8518-8521
- Nishat, Z. (2005). Akbar's Religious Policy (1542-1605): A Select Annotated Bibliography. Disertasi Sarjana. Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan, Aligarh Muslim University.
- Niyati, M.R. (2021). Administration System Under the Nizams of Hyderabad, India. *Indian Historical Review*, 48(1), 92-108.
- Nur, A. (2017). The Contribution of Din-I-Ilahi Towards the Life and Culture of Indian People. *4th International Conference the Community Development in ASEAN*: 79-93.
- Pandey, A. B. (1963). *Later Medieval India: A History of the Mughals*. Allahabad: Central Book Depot.
- Parodi, L.E. (2006). Humayun's Sojourn at the Safavid Court (A.D. 1543-44). *Proceedings of the 5th Conference of the Societas Iranologica Europæa* 2: 135-156.
- Prasad, C. (2021). The Moghul Empire Akbar Dynasty System- A Special Reference to Welfare Policy. *International Journal of Multidisciplinary Educational Research*, 10 (9), 34-39.
- Prasad, C. (2021). Ruling Administration of Akbar and His Religious Policies- A Historical Perspective. *International Journal of Multidisciplinary Educational Research*, 10(7), 28-35.

- Prawdin, M. (1963). *The Builders of the Mogul Empire*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Richards, J. F. (1998). The Formulation of Imperial Authority Under Akbar and Jahangir. Dlm. M. Alam & S. Subrahmanyam. *The Mughal State 1526-1750*. New Delhi: Oxford University Press.
- Richards, J.F. (2012). *The Mughal Empire*. North Carolin: Duke University.
- Qamaruddin, M. (2004). *A Politico-Cultural Study of the Great Mughals (1526-1707)*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Qureshi, I. H. (1998). *The Muslim Community of the Indo-Pakistan Subcontinent (610-1947)*. Delhi: Renaissance Publishing House.
- al-Sadati, A. M. (2001). *Tarikh al-Muslimin fi Sibh al-Qarat al-Hind wa Bakistaniyyah wa hadaratihim*. al-Qahirah: Dar Nahdat al-Sharq.
- Singh, V. (2016). Akbar's Land Revenue System. *International Journal of Engineering, Management, Humanities and Social Sciences Paradigms*, 19(1), 8-15.
- Srivastava, A. L. (1957). *The Mughul Empire (1526-1803 A. D.)*. Agra: Shiva Lal Agarwala & Co. Pvt. Ltd.
- Srivastava, A. L. (1968). Amber's Alliance with Akbar: An Estimate of Raja Bharmal. *Journal of Indian History*, 46(1), 27-34.
- Syed, J. (2010). Akbar's Multiculturalism: Lessons for Diversity Management in the 21st Century. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 28, 402-412.
- Thiara, N.W. (2011). Enabling Spaces and the Architecture of Hybridity in Salman Rushdie's *The Enchantress of Florence*. *The Journal of Commonwealth Literature*, 46(3), 415-431.
- Trivedi, K.K. (1986). Maintenance of War and Transport Animals in Mansab System Under Akbar. *Proceedings of the Indian History Congress*, 47(1), 307-316.